KEUSAHAWANAN DI KALANGAN MAHASISWA: KAJIAN KECENDERUNGAN PELAJAR MUSLIM DI UNIVERSITI MALAYA

Suhaili bin Sarif*
Azlan bin Amran**

Abstract

Islam encourages entrepreneurial development and business related activities among its followers. History shows that business plays a very important role in uplifting Muslim and Islamic culture especially during those glorious ages. The development of entrepreneur need to be inculcated since the early age of individual. The intention of being a self employed is a very first step in every individual's entrepreneurial development process. Based on the responses from the sample derived among Muslim students in University Malaya, the study discovers that they are inclined towards organizational employment compared to being self-employed.

PENDAHULUAN

Budaya keusahawanan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia belum begitu memuaskan berbanding masyarakat bukan Muslim khususnya Cina. Pelbagai andaian telah dibuat mengenai masalah dan cabaran yang menyebabkan masalah ini. Namun demikian belum terdapat bukti yang kukuh mengapa perkara ini berlaku. Menjadi usahawan merupakan suatu usaha yang perlu dipertingkatkan. Selain mengurangkan kadar pergantungan terhadap penawaran kerja daripada sektor awam, usaha ini juga secara langsung dapat meningkatkan ekonomi negara.

---

* Pensyarah di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
** Pensyarah di Jabatan Perakaunan, Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia.

Sehubungan dengan itu kerajaan telah mengadakan pelbagai program untuk menggalakkan orang Melayu menceburi bidang keusahawanan. Malah Dasar Ekonomi Baru yang telah dibentuk juga membuktikan komitmen kerajaan untuk memperbanyakkan tokoh usahawan dan korporat Melayu di Malaysia. Melalui bidang keusahawanan, kerajaan cuba untuk membentuk golongan usahawan yang seterusnya menjadi golongan pertengahan. Selain daripada program-program yang ditawarkan kepada umum, terdapat juga program-program yang dikhususkan kepada golongan mahasiswa. Antara program-program tersebut adalah seperti Program Pembangunan Usaha Siswa dan Skim Usahawan Siswazah.

Meskipun pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan, namun bilangan usahawan Melayu masih belum memuaskan. Bilangan mahasiswa yang menceburkan diri dalam bidang ini juga belum begitu menggalakkan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah kajian awalan yang mengukur sejauh mana kesediaan mahasiswa Muslim khususnya di Universiti Malaya untuk bekerja sendiri dan menceburi bidang keusahawanan.

ISLAM DAN KEUSAHAWANAN

Keusahawanan adalah kata terbitan daripada perkataan usahawan. Istilah ini lahir daripada perkatan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan.[1] Bagi ahli ekonomi, usahawan merupakan individu yang menyatukan faktor-faktor buruh, material dan faktor lain yang menjadikannya lebih bernilai berbanding dulu, dan individu yang membuat perubahan, pembaharuan dan inovasi. Bagi ahli psikologi pula, usahawan merupakan mereka yang didorong oleh kuasa tertentu seperti keperluan terhadap sesuatu, untuk mengkaji atau untuk mengelakkan daripada kongkongan orang lain. Menurut pandangan peniaga pula usahawan mungkin merupakan ancaman atau pesaing tetapi dalam masa yang sama mungkin sebagai rakan niaga, pembekal atau pelanggan kepada peniaga lain dan mungkin seorang yang mecari cara baru untuk menggunakan sumber secara lebih baik serta mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.[2] Berdasarkan definisi-definisi tersebut bolehlah disimpulkan bahawa keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan yang memerlukan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuashatian dan kebebasan.[3]

---

1 Kamus Dewan secara online http://www.karyanet.com.my/, 1 Ogos 2005

2 Karl Vesper (1980), *New Venture Strategies*, New Jersey: Prentice Hall, h.2

3 Hisrich Robert. D & Peters Micheal P. (2002), *Entrepreneurship*, Edisi 5. USA: Mc Graw Hill, h. 10

Dalam ekonomi, keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita, malah bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat. Perkembangan keusahawanan dan pertambahan usahawan menunjukkan perkembangan ekonomi yang positif bagi sesebuah negara. Inovasi yang terhasil melalui keusahawanan akan memperkembangkan penawaran dan kepelbagaian dalam ekonomi.

Islam sebagai *al-din* yang mencakupi segala bidang telah menyedari kepentingan keusahawanan ini sejak sekian lama dan memberikan galakan kepada umatnya agar menceburi bidang ini. Walaupun Islam mengiktiraf bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik. Ini dibuktikan dengan Sabda Rasul yang bermaksud:

> *"Daripada Rafi' bin Hadij bahawa Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab " kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati"*[4]

Daripada maksud hadis tersebut, jelaslah bahawa Islam amat menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan menceburi bidang keusahawanan. Ini kerana bidang ini bukan sahaja menjana pendapatan peribadi dan menghalang seseorang daripada meminta-minta, malah dapat memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

Memandangkan dalam abad ini cabaran dunia Islam semakin besar, umat Islam perlu lebih bersedia menghadapi sebarang permasalahan yang timbul. Antara masalah yang timbul adalah keupayaan umat dan negara Islam dalam menyediakan keperluan mereka sendiri. Umat Islam terlalu bergantung kepada produk-produk yang dikeluarkan oleh bukan Islam. Mereka lebih merupakan golongan pengguna semata-mata dan jauh ketinggalan dalam pengeluaran produk. Akibatnya umat Islam terdedah kepada pelbagai risiko termasuklah masalah kesucian dan kehalalan produk yang menjadi tuntutan agama. Atas dasar inilah Islam amat menggalakkan umatnya berusaha menyediakan keperluan mereka sendiri dan tidak menjadi golongan pengguna semata-mata.

Golongan usahawan juga tidak hanya dipandang mulia malah dijanjikan dengan balasan yang baik di akhirat sekiranya mereka benar-benar memenuhi tuntutan agama. Ini dijelaskan dalam hadis yang bermaksud:

---

[4] Musnad Ahmad, Kitab Musnad al Syāmayn, Bāb Hadis Rafi' bin Ḥadīj RA, no hadis.16628

"Abi Sa'id menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w berkata: "Seorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada' "[5]

Kedudukan yang begitu istimewa dijanjikan oleh Allah melalui Rasulnya kepada golongan usahawan dengan syarat mereka benar-benar jujur dan ikhlas serta tidak mengejar keuntungan semata-mata. Cabaran inilah yang sukar ditempuhi oleh usahawan-uasahawan masa kini. Ramai di kalangan usahawan kini yang gagal menjadi model kepada masyarakat.

Dengan galakan dan sokongan Islam terhadap aktiviti ini, umat Islam dari segenap lapisan harus memulakan langkah ke arah pembentukan usahawan sebagaimana yang dikehendaki. Minat berniaga perlulah dipupuk sejak dari kecil lagi bari memenuhi hasrat ini. Minat yang mendalam akan menggalakkan pembangunan individu usahawan itu sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan unutk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti sejauhmana mahasiswa muslim mempunyai minat atau kecenderungan untuk bekerja sendiri.
2. Mengenalpasti faktor-faktor yang menentukan kecenderungan pilihan status pekerjaan (*employment status choice intentions*) di kalangan pelajar Muslim.
3. Mengenal pasti tindakan untuk meningkatkan kesedaran keusahawanan dan sebagai kajian awalan kepada kajian-kajian akan datang.

TEORI DAN HIPOTESIS

Dua teori akan digunakan dalam kajian ini. Teori berikut adalah:

1. Model ikutan (*Tracking Model*) dan ciri-ciri demografi

Model ikutan atau *Tracking Model* merupakan pendekatan yang biasa digunakan bagi meramal pilihan status pekerjaan. Model ikutan berlaku apabila gelagat sosial diperhatikan, dipelajari dan diamalkan secara tidak langsung oleh seseorang melalui contoh dan ianya lebih mempengaruhi berbanding daripada pengalaman secara

---

[5] Sunan Tirmizi, Kitāb al-Buyū', Bāb Mā Jāa fī al Tijāri wa Tasmiyah al Nabi, No hadis. 1130

langsung. Sebahagian pengkaji menyatakan bahawa model ikutan merupakan faktor persekitaran yang penting dalam membentuk kecenderungan seseorang. Menurut Holland (1983) ibu bapa membentuk satu persekitaran yang amat mempengaruhi ciri-ciri dan kecenderungan pilihan kerjaya anak mereka. Selain itu melihat orang lain berjaya sebagai usahawan menjadi pendorong mereka untuk menceburi bidang yang sama dan memulakan sebuah perniagaan.[6]

Ramai ilmuwan yang berpendapat bahawa ahli keluarga khususnya ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk minat anak-anak untuk memulakan langkah keusahawanan seperti Shaporo dan Sokol (1982).[7] Scott dan Twomy (1988) melalui kajiannya mendapati bahawa responden yang mempunyai ibu bapa usahawan menunjukkan minat yang mendalam untuk bekerja sendiri.[8] Hisrich dan Brush (1984) mendapati daripada 468 ushawan wanita yang dikaji, majoriti mereka mempunyai ayah yang bekerja sendiri.[9]

Dalam dekad-dekad kebelakangan ini trend menunjukkan peningkatan dalam jumlah usahawan wanita. Walau bagaimanapun Scherer et al. mendapati bahawa lelaki lebih berminat bekerja sendiri berbanding wanita.[10] Daripada perbincangan-perbincangan di atas boleh disimpulkan bahawa ciri-ciri demografi seperti model keibubapaan, gender dan pengalaman bekerja sendiri mempunyai kaitan dengan kecenderungan keusahawanan.

2. Teori Perlakuan Terancang *"Theory of Planned Behavior"* (TPB).

Teori TPB di atas adalah sebuah teori yang popular bagi mengkaji perlakuan dan kecenderungan seseorang. Teori ini telah digunapakai dalam berbagai bidang ilmu bagi menerangkan dan meramal tindak tanduk manusia. Kolveried (1996), telah

---

6 Sila Lihat Holland, J.L (1983), "Making Vocational Choices: A Theory of Careers", dalam Osipow, S.H. (ed.), *Theories of Career Development.* Englewood Cliffs : Prentice Hall, hh 288-301

7 Shapero, A. dan Sokol, L. (1982), " The Social Dimensions of Entrepreneurship", dalam Kent. C., Sexton, D dan Vesper. K (eds), *Encyclopedia of Entrepreneurship*. Englewood Cliffs: Prentice Hall, hh. 72-90

8 cott, M.G. dan Twomey, D.F. (1988), "The Long Term Supply of Entrepreneurs: Students Career Aspirations in Relation to Entrepreneurship", *Journal of Small Business Management*. Vol 26(4), hh 5-13

9 Hisrich, R.D. dan Brush, C. (1984), "The Women of Entrepreneur: Management Skills and Business Problems", *Journal of Small Business Management*, vol 22(1), hh 31-37

10 Scherer, R.F, Brodzinski, J.D dan Wiebe, F.A. (1990), "Entrepreneur Career Selection and Gender: A Socialization Approach", *Journal of Small Business Management*. vol 2, hh 37-44

menggunakan teori ini untuk meramal kecenderungan pelajar-pelajar di Norway dalam memilih kerjaya mereka.[11] Ia seterusnya telah di adaptasikan oleh Tkachev and Kolverid (1999) kepada pelajar di Rusia dengan tujuan yang sama.[12]

Teori TPB telah dibangunkan oleh Ajzen (1988).[13] Berdasarkan teori TPB ini terdapat tiga pemboleh ubah penentu yang mempengaruhi kecenderungan. Pemboleh ubah yang pertama adalah sikap *(attitude)* seseorang terhadap tingkah laku tertentu akan mempengaruhi penilaian terhadap satu-satu tingkah laku tersebut. Ianya secara langsung merujuk kepada semakin seseorang itu menyenangi sesuatu perlakuan tersebut semakin tinggi kecenderungan terhadap tingkah laku tersebut. Kajian lepas yang dilakukan terhadap pelajar Norway and Rusia telah menunjukkan sikap mempengaruhi kecenderungan mereka dalam memilih kerjaya mereka.

Pemboleh ubah kedua adalah norma subjektif *(subjective norm)*. Pemboleh ubah ini mengukur sejauh mana tanggapan seseorang terhadap pandangan masyarakat terdekat bagi melakukan sesuatu perkara. Berdasarkan teori TPB, kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara tersebut menjadi lebih tinggi jika kadar norma subjektifnya tinggi.

Pemboleh ubah ketiga pula adalah tanggapan terhadap kawalan tingkah laku. Pemboleh ubah ini merujuk kepada tanggapan seseorang terhadap mudah atau sukarnya perkara yang hendak dilakukan. Kecenderungan seseorang akan lebih tinggi jika dia menganggap sesuatu itu lebih mudah dilakukan.[14]

Ajzen (1991) juga mengatakan bahawa faktor-faktor demografi tidak mempengaruhi kecenderungan seseorang secara langsung. Walau bagaimanapun ciri-ciri sengaja ditambah untuk membuktikan bahawa faktor-faktor demografi seperti latar belakang keluarga, jantina dan pengalaman bekerja sendiri tidak mempengaruhi kecenderungan secara signifikan.[15]

---

[11] Kolvereid, L. (1996), "Organizational Employment versus Self-Employment: Reasons For Career Choice Intentions", *Journal of Entrepreneurship Theory and Practice*, 20(3), hh 23-31

[12] Kolvereid, L. dan Tkachev, A. (1999), " Self Employment Intentions Among Russian Students", *Journal of Entrepreneurship and Regional Development,*vol 11, hh. 269-280

[13] Sila Lihat Azjen, I. (1988), *Attitudes, Personality and Behaviour*. Milton Keynes: Open University Press.

[14] Lihat Kolvereid, L. dan Tkachev, A. (1999), *Op.cit,* hh. 269-280 dan Kolvereid (1996), *Op.cit*, hh. 23-31

[15] Ajzen, I. (1991), " The Theory of Planned Behaviour", *Organizational Behaviour and Human Decision Processes*, Vol 50. hh. 1-63

Berdasarkan teori Model Ikutan dan TPB, kajian ini telah membentuk 2 hipotesis seperti berikut:

Hipotesis pertama: Kecenderungan untuk bekerja sendiri adalah lebih tinggi di kalangan individu yang:

i. mempunyai ibu bapa yang bekerja sendiri
ii. lelaki
iii. mempunyai pengalaman bekerja sendiri sebelum ini.

Hipotesis kedua: Semakin cenderung gelagat dan norma subjektif seseorang untuk bekerja sendiri dan semakin kuat kawalan tingkah laku individu tersebut semakin tinggi kecenderungannya untuk bekerja sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kecenderungan penuntut muslim terhadap bidang keusahawanan serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar tersebut berdasarkan rangka *Teori Perlakuan Terancang*. Kajian ini hanya memfokus kepada penuntut yang beragama Islam sahaja. Bagi tujuan tersebut data telah diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan pada tahun 2004.

Persampelan.

Sampel populasi bagi kajian ini adalah penuntut- penuntut Muslim di Universiti Malaya. Kajian ini secara umumnya telah memastikan bahawa kesemua penuntut Muslim di setiap fakulti diambil kira. Jumlah keseluruhan penuntut Muslim adalah sebanyak 11893 orang berdasarkan sistem maklumat pelajar bersepadu Universiti Malaya. Seterusnya penuntut telah dipilih secara rawak mengikut nisbah keseluruhan jumlah penuntut Muslim. Hasil daripada keseluruhan sampel populasi tersebut sebanyak 382 orang penuntut Muslim telah dipilih. Pemilihan ini telah dijalankan secara rawak. Daripada keseluruhan jumlah sampel yang telah dipilih 51.2 peratus adalah pelajar dari tahun pertama, 29.7 peratus adalah daripada penuntut tahun kedua, 17.3 peratus adalah penuntut tahun ketiga, 1.6 peratus adalah penuntut tahun empat dan hanya 0.03 peratus atau seorang sahaja penuntut tahun lima. Jadual berikut memaparkan jumlah dan peratusan penuntut berdasarkan fakulti:

Jadual 1: Taburan sampel mengikut fakulti

	Fakulti	Kekerapan	Peratus
1	Alam Bina	6	1.6
2	Akademi Pengajian Melayu	18	4.7
3	Bahasa	9	2.4
4	Pusat Budaya	3	0.08
5	Pendidikan	20	5.2
6	Ekonomi	8	2.1
7	Kejuruteraan	42	11.0
8	Perakaunan dan Perniagaan	25	6.6
9	Pergigian	7	1.8
10	Akademi Pengajian Islam	58	15.2
11	Sains Komputer	35	9.2
12	Undang-undang	5	1.3
13	Perubatan	15	3.9
14	Sains	75	19.7
15	Sastera	43	11.3
16	Pusat Sukan	12	3.1
17	Jumlah	381	100.0

Bagi tujuan kajian ini sebuah soal selidik bagi mendapatkan maklumat tersebut telah di adaptasikan daripada kajian yang asalnya dibangunkan Kolveried (1996).[16] Soal selidik ini telah diolah semula bagi mengikut kesesuaian semasa.

Soal selidik ini telah dibentuk mengikut 7 skala likert seperti mana soal selidik asal penulis tersebut. Bagi mengukur kecenderungan *(intention)* pelajar bagi menceburi bidang keusahawanan tiga soalan telah dibentuk. Ketiga-tiga soalan ini merujuk kepada keinginan pelajar bagi bekerja sendiri, tidak pasti atau bekerja dengan orang lain. Responden telah diminta untuk memberi ukuran *(rating)* dengan 7 skala likert terhadap ketiga-tiga faktor di atas. Skor dari ketiga-tiga soalan tersebut kemudiannya dibahagi untuk mencari purata skor bagi ketiga-tiga soalan tersebut. Hasil daripada purata skor ketiga-tiga soalan ini akan mewujudkan indeks terhadap kecenderungan pelajar terhadap status kecenderungan karier mereka. Skor yang tinggi akan merujuk kepada kecenderungan untuk bekerja sendiri manakala skor indeks rendah merujuk kepada kecenderungan untuk bekerja dengan orang lain.

---

[16] Kolvereid, L. dan Tkachev, A. (1996), *Op.cit.*, hh 274-277

Seterusnya sikap pelajar akan diukur berdasarkan kepercayaan mereka terhadap karier sebagai usahawan. Ini selari dengan teori tingkah laku terancang. Kolvereid (1996) dalam kajiannya yang terdahulu telah mengenal pasti dua bentuk klasifikasi kepercayaan yang berbeza dalam mengukur sikap terhadap kecenderungan terhadap keusahawanan. Lima alasan atau kepercayaan yang diklasifikasikan oleh beliau sebagai memihak kepada sikap untuk bekerja dengan orang lain adalah (1) kestabilan *(security)* (2) kelapangan *(leisure)* (3) persekitaran sosial *(social environment)* (4) mengelak tanggungjawab *(avoid responsibility)* (5) kenaikan pangkat *(promotion)*. Sebaliknya enam bentuk alasan atau kepercayaan telah diklasifikasikan sebagai memihak kepada sikap untuk bekerja sendiri adalah (1) peluang ekonomi *(economic potential)* (2) cabaran *(challenge)* (3) kebebasan *(independence)* (4) autoriti *(authority)* (5) kepuasan diri *(self realization)* dan (6) mengikuti kerja dari a hingga z *(follow work task from a to z)*.[17]

Berdasarkan keseluruhan faktor di atas sebanyak 30 buah soalan telah dibentuk bagi mengukur sikap pelajar terhadap keusahawanan. Secara keseluruhannya setiap alasan diwakili sebanyak sekurang-kurangnya dua sehingga empat soalan. Kesemua soalan diukur dengan 7 skala likert iaitu (1= amat bersetuju sehingga kepada 7= amat tidak bersetuju). Indeks untuk setiap kesebelasan alasan di atas telah diwujudkan dengan mengambil purata setiap skor setiap alasan.

Indeks bagi setiap alasan di atas seterusnya dicampur dan dibahagikan kepada jumlah alasan bagi mewujudkan purata indeks bagi kedua-dua klasifikasi. Indeks bagi setiap klasifikasi akan ditolak bagi mengukur sikap pelajar. Skor yang tinggi menunjukkan bahawa sikap pelajar lebih memihak untuk bekerja sendiri manakala skor yang rendah menunjukkan sikap pelajar yang lebih cenderung untuk bekerja makan gaji.

Bagi mengukur pemboleh ubah norma subjektif, tiga soalan berkaitan dengan pandangan pelajar terhadap pendapat orang yang terdekat dengan pelajar telah diolah. Soalan pertama berkaitan dengan pandangan pelajar terhadap pendapat ahli keluarga terdekat pelajar apabila membuat keputusan untuk memilih kerjaya untuk bekerja sendiri. Soalan kedua berkaitan dengan pandangan rakan-rakan rapat, Manakala soalan ketiga berkaitan dengan pandangan orang-orang yang penting dalam hidup pelajar. Umumnya ketiga soalan ini nampak seperti serupa tetapi ianya dibentuk menjadi tiga soalan bagi memfokuskan tiga kumpulan yang berlainan. Ini adalah selari dengan soal selidik asal yang dibangunkan oleh Kolvereid.

---

[17] *Ibid*

Tiga soalan selanjutnya dibentuk bagi menilai sejauh manakah pelajar mematuhi dan mengambil berat pandangan ketiga pihak di atas. Kesemua soalan dibentuk berdasarkan 7 skala likert. Bagi tiga soalan pertama di atas skor 1 menunjukkan sangat tidak harus, manakala skor 7 menunjukkan sangat harus. Bagi tiga soalan seterusnya skor 1 menunjukkan langsung tidak ambil kisah, manakala skor 7 menunjukkan sangat ambil kisah. Skor bagi tiga soalan berikutnya akan dikodkan semula menjadi skala bipolar iaitu skor 1 bersamaan dengan -3 sehinggalah skor 7 bersamaan +3. Seterusnya skor bagi setiap tiga soalan berkaitan dengan pandangan pelajar akan didarabkan dengan skor bagi setiap tiga soalan berkaitan dengan sejauh manakah mereka mematuhi atau mengambil berat pandangan tersebut. Hasil darab bagi setiap skor ini akan dijumlahkan untuk mengukur pemboleh ubah norma subjektif di atas. Metode di atas adalah selari dengan kajian yang terdahulu di dalam mengukur norma subjektif seseorang.[18]

Pemboleh ubah seterusnya berkaitan dengan anggapan bahawa bekerja sendiri adalah di dalam kawalan pelajar. Bagi mengukur pemboleh ubah di atas, enam soalan telah dibentuk serta diukur dengan 7 skala likert. Skor bagi keenam-enam soalan ini akan dibahagi bagi memperoleh ukuran keseluruhan untuk pemboleh ubah di atas.

Bagi mengambil kira pemboleh ubah demografi pula, sebanyak lima soalan telah dibentuk. Soalan-soalan tersebut berkaitan dengan jantina, tahun pengajian, fakulti, latar belakang keluarga dan pengalaman berniaga. Kesemua soalan ini diukur dengan dalam bentuk pemboleh ubah *dummy*.

DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif (jadual 2) di bawah adalah untuk menunjukkan nilai minimum dan maksimum empat pemboleh ubah yang digunakan di dalam kajian ini. Nilai purata indeks bagi pemboleh ubah kecenderungan nyata sekali di bawah nilai empat iaitu ianya menunjukkan secara puratanya penuntut-penuntut Muslim di Universiti Malaya lebih cenderung untuk bekerja dengan organisasi. Lihat pula purata bagi sikap penuntut-penuntut tersebut. Keseluruhan nilai purata adalah di bawah paras sikap yang cenderung untuk bekerja sendiri iaitu sepatutnya nilai purata melebihi 0. Tanda-tanda dan bukti-bukti ini menunjukkan kecenderungan penuntut ini lebih kepada untuk bekerja dengan organisasi daripada bekerja sendiri.

---

[18] Ajzen, I. dan Driver, B.I (1992), "Application of The Theory Of Planned Behavior to Leisure Choice", *Journal of Leisure Research*. Vol 24, hh 207-224

Jadual 2: Analisa deskriptif

	Min	Mak	Purata	Sis	Skewness		Kurtosis	
				Piawai		R. Piawai		R. Piawai
Indeks Kecenderungan			3.83	1.26	.050	.13	-.39	.25
Indeks kawalan Sikap	1.00	7.00	4.31	.81	-.010	.13	1.29	.25
Sikap	-4.33	5.40	.960	1.30	.576	.13	1.88	.25
Norma Sub	-54.0	91.00	20.52	18.31	-.369	.13	1.39	.25

Seterusnya analisis silang antara kecenderungan dan jantina juga telah dijalankan. Bagi membolehkan analisis ini dijalankan, hasil kajian yang menggunakan 7 skala seperti yang dibincangkan di atas telah diolah dan diringkaskan untuk menjadi tiga kumpulan sahaja. Kumpulan pertama akan mengumpulkan seluruh pelajar dengan indeks kecenderungannya di bawah 4 dan diklasifikasikan sebagai kumpulan yang cenderung untuk bekerja dengan organisasi. Kumpulan kedua ialah kumpulan yang tidak pasti dengan keputusan mereka (penuntut yang mendapat skor 4 bagi indeks kecenderungan mereka). Seterusnya ialah kumpulan yang cenderung untuk bekerja sendiri dimana skornya melebihi 4.

Keputusan daripada jadual 3 [Lihat muka sebelah] secara umumnya menunjukkan lebih ramai pelajar perempuan yang berkecenderungan untuk bekerja dengan organisasi berbanding dengan pelajar lelaki yang secara umumnya lebih cenderung untuk bekerja sendiri. Fenomena ini disokong oleh ujian Chi- Square yang menunjukkan terdapat perbezaan kecenderungan di kalangan penuntut yang berbeza jantina (signifikan pada alpha = 0.04).

Selain itu, kajian ini juga melihat kepada perbezaan kecenderungan di kalangan penuntut yang mempunyai pengalaman bekerja sendiri dengan penuntut yang tidak mempunyai pengalaman bekerja sendiri. Berdasarkan jadual 4 dapat dilihat bahawa secara umumnya lebih ramai mereka yang berkecenderungan untuk bekerja sendiri adalah di kalangan mereka yang mempunyai pengalaman bekerja sendiri sebelumnya. Ini disokong oleh ujian Chi-Square , signifikan pada alpha = 0.009.

Jadual 3: Kecenderungan dan Jantina

		Kecenderungan			
		Cenderung bekerja dengan organisasi	Tidak pasti	Cenderung bekerja dengan sendiri	Jumlah
Jantina	Perempuan	138	14	92	244
	Lelaki	59	11	67	137
	Jumlah	197	25	159	381

Analisis silang di antara Jantina dan KecenderunganJadual 4 : Kecenderungan dan Pengalaman

		Kecenderungan			
		Cenderung bekerja dengan organisasi	Tidak pasti	Cenderung bekerja dengan sendiri	Jumlah
Keluarga terlibat dalam perniagaan	Ya	97	14	95	206
	Tidak	100	11	64	175
	Jumlah	197	25	159	381

Pemboleh ubah seterusnya ialah latar belakang keluarga. Kecenderungan penuntut akan dianalisis sama ada mereka mempunyai saudara atau keluarga yang sedia terlibat dengan perniagaan atau tidak. Berdasarkan jadual 5 tidak terdapat perbezaan dari segi kecenderungan di kalangan penuntut yang mempunyai latar belakang keluarga berniaga atau sebaliknya. Ini disokong oleh ujian chi-square yang dijalankan.

Oleh yang demikian, Hipotesis pertama tidak dapat diterima sepenuhnya kerana walaupun kecenderungan keusahawanan seseorang lebih tinggi di kalangan lelaki dan mereka yang mempunyai pengalaman perniagaan, tetapi latar belakang ibu bapa dan keluarga terdekat tidak mempengaruhi tahap kecenderungan seseorang untuk bekerja sendiri. Ini berbeza dengan kajian-kajian terdahulu di mana kecenderungan keusahawanan lebih tinggi di kalangan mereka yang mempunyai ibu bapa usahawan.

Jadual 5: Kecenderungan danLatar belakang keluarga

		Kecenderungan			
		Cenderung bekerja dengan organisasi	Tidak pasti	Cenderung bekerja dengan sendiri	Jumlah
Pengalaman bekerja sendiri	Ya	41	8	56	105
	Tidak	156	17	103	276
	Jumlah	197	25	159	381

Seterusnya adalah mengenai pemboleh ubah tingkah laku yang mana ianya merupakan sebahagian daripada teori tingkah laku terancang atau *theory of planned behaviour* (TPB). Seperti yang telah dibincangkan, tingkah laku diukur dengan faktor-faktor yang diperoleh daripada kajian lepas. Analisis korelasi ini dapat membantu dalam menentukan kekuatan dan arah hubungan linear antara dua faktor. Kajian ini telah menggunakan "*Pearson product moment coeffient*" dalam menganalisis korelasi antara indeks kecenderungan dan setiap faktor dalam pemboleh ubah tingkah laku. Sila rujuk jadual 5 untuk mengetahui keputusan korelasi tersebut. Bersama –sama jadual tersebut disertakan juga keputusan *Cronbach alpha* bagi setiap faktor sikap tersebut.

Jadual 5: Keputusan korelasi *Pearson* dan *Cronbach alpha*.

Faktor-faktor sikap bekerja dengan organisasi	Korelasi Pearson	Cronbach alpha
(1) Kestabilan (security)	-0.242	0.678
(2) Kelapangan (leisure)	-0.278	0.7169
(3) Persekitaran sosial (social environmen)	-0.269	0.6339
(4) Mengelak tanggungjawab (avoid responsibility)	-0.159	0.7248
(5) Kenaikan pangkat (promotion)	0.198	0.7038
Faktor-faktor sikap untuk bekerja sendiri	**Korelasi Pearson**	**Cronbach alpha**
(1) Peluang ekonomi (economic potenrial)	0.198	0.8092
(2) Cabaran (challenge)	0.253	0.880
(3) Kebebasan (independence)	0.142	0.8438
(4) Autoriti (authority)	0.071	0.8512
(5) Kesedaran (self realization)	0.145	0.8085
(6) Mengikut kerja dari A hingga Z (follow work task from A to Z)	0.072	0.9016

Berdasarkan dapatan kajian lepas, keputusan korelasi ini telah menunjukkan seperti arah yang dijangkakan. Keputusan kolerasi Pearson menunjukkan faktor-faktor sikap yang dicadangkan akan cenderung untuk bekerja dengan organisasi telah mengalami

hubungan korelasi songsang atau negatif dengan kecederungan untuk bekerja sendiri. Kesemua faktor-faktor yang dicadangkan kecuali faktor kenaikan pangkat telah menunjukkan hubungan yang negatif dengan kecenderungan untuk bekerja. Manakala bagi faktor-faktor sikap yang dicadangkan cenderung untuk bekerja sendiri telah menunjukkan hubungan kolerasi yang positif.

Keputusan daripada ujian kebolehpercayaan (*reliability*) terhadap soalan-soalan yang digunakan bagi mengukur faktor tersebut telah menunjukkan hasil yang memuaskan. Keseluruhannya, keputusan *Cronbach alpha* di atas telah menunjukkan keputusan lebih daripada tujuh kecuali bagi soalan untuk mengukur faktor kestabilan dan persekitaran sosial. Biarpun begitu selepas pelarasan dilakukan keatas keputusan ini, ianya telah diambil kira juga dan ini adalah selari dengan kajian lepas seperti Tkacev dan Kolvereid (1999)

Keputusan ini secara tidak langsung telah membuktikan antara faktor-faktor yang menyebabkan penuntut-penuntut Islam di Univeriti Malaya berminat untuk bekerja sendiri adalah seperti berikut:

a) Kestabilan- Dengan kata lain penuntut ini beranggapan dengan bekerja dengan organisasi lain ianya lebih stabil daripada segi pendapatan yang mereka akan mendapat pendapatan tetap setiap bulan.
b) Kelapangan- Penuntut ini juga beranggapan bahawa bekerja dengan organisasi akan mempunyai masa lapang yang lebih.
c) Persekitaran sosial yang lebih menarik berbanding dengan persekitaran sosial jika bekerja sendiri
d) Sifat gemar mengelak tanggung jawab- Tidak mempunyai tanggung jawab yang besar sebagaimana jika mereka bekerja sendiri.

Walau bagaimanapun faktor kenaikan pangkat tidak dilihat sebagai faktor yang mendorong kecenderungan untuk bekerja dengan organisasi.

Bagi faktor- faktor yang menyumbang kepada kecenderungan untuk bekerja sendiri, kajian ini telah mendapati kesemua faktor ini mempunyai hubungan kolerasi yang positif seperti yang diharapkan. Ini menunjukkan faktor-faktor yang menyebabkan kecederungan untuk bekerja adalah antara lainnya adalah seperti berikut:

a) Peluang ekonomi yang luas dalam perniagaan
b) Cabaran apabila menceburi bidang perniagaan
c) Kebebasan bekerja sebagai seorang usahawan
d) Mempunyai autoriti apabila bekerja sendiri

e) Kesedaran untuk menjadi usahawan
f) Peluang untuk melakukan kerja secara keseluruhan.

Keputusan ini secara tidak langsung menyokong dapatan kajian lepas yang dijalankan di Russia.

Analisis Multivariat

Analisis multivariat yang telah dijalankan bagi menguji hipotesis di atas adalah analisis regresi mudah. Pemeriksaan telah dibuat sekiranya wujud masalah multi kekolinearan, *outliers* , kenormalan, kelinearan dan homoskedastisiti dalam data ini. Masalah multikekolinearan telah di periksa dengan melihat kepada nilai tolerans. Jika nilainya hampir dengan kosong maka terdapat masalah ini tetapi secara keseluruhannya nilai tolerans bagi pemboleh ubah ini adalah bermula dari nilai 8 ke atas. Bagi masalah yang lain seperti yang disebutkan di atas ianya telah diperiksa dengan memerhatikan kepada gambarajah *residual scatterplot* dan *normal probability plot*. Secara keseluruhannya gambarajah *normal probability plot* bagi data kajian ini menunjukkan bahawa garis pepenjuru (*diagonal*) yang agak lurus. Ini menunjukkan ianya tidak mempunyai masalah kenormalan dan kelinearan.

Jika dilihat kepada ringkasan model hasil daripada ujian regressi ini pemboleh ubah yang terdiri daripada sikap (*attitude*), norma subjektif (*subjective norm*), tanggapan terhadap kawalan tingkah laku, jantina, pengalaman bekerja sendiri dan latar belakang keluarga hanya dapat menerangkan sebanyak 24 peratus sahaja varians kecenderungan penuntut-penuntut. Nilai ini agak rendah tetapi ianya masih boleh diguna pakai dalam menentukan kecenderungan penuntut di sini.

Jika pemerhatian terhadap model ini diteruskan, pemboleh ubah bebas yang signifikan dalam menentukan kecenderungan ialah jantina (signifikan pada 0.01, beta coefisen = 0.12), tanggapan terhadap kawalan tingkah laku (signifikan pada 0.00, beta coefisen = 0.29) dan sikap (signifikan pada 0.00, beta coefisen = 0.28). Sila rujuk jadual 6 di bawah.

Keputusan ini tidak banyak berbeza dengan keputusan yang diperoleh daripada kajian lepas yang dijalankan oleh Tkachev dan Kolveried (1999) dan Kolveried (1966). Kajian yang dijalankan oleh mereka ini mendapati kesemua pemboleh ubah yang diperoleh daripada Teori Perlakuan Terancang didapati mempengaruhi kecenderungan tetapi

bagi kajian ini ianya gagal menunjukkan bahawa pemboleh ubah norma subjektif adalah pemboleh ubah yang signifikan seperti yang dibuktikan oleh kajian lepas tersebut.[19]

Berdasarkan keputusan regresi ini dapatlah diputuskan bahawa hipotesis 2 tidak dapat diterima sepenuhnya. Hanya beberapa pemboleh ubah iaitu jantina, sikap dan tanggapan terhadap tingkah laku sahaja yang didapati signifikan.

Jadual 6: Keputusan regressi terhadap kecenderungan untuk bekerja sendiri

	Coefficient	T-Stat	P.Value
Sikap (attitude)	0.28	5.77	0.00*
Norna subjektif (subjective norm	0.02	0.55	0.58
Tanggapan terhadap kawalan tingkah laku (perceived behaviour control)	0.29	6.14	0.00*
Pengalaman bekerja sendiri	-0.02	-0.42	0.67
Jantina	0.12	2.72	0.01*
Latar belakang keluarga	-0.02	-0.42	0.67

Adjusted R2:0.240, F:19.611, Siknifikan: 0.00
Keputusan di atas adalah keputusan yang telah diseragamkan.
*menunjukkan nilai p<0.01.

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan diatas adalah seperti yang di jangka berdasarkan seperti mana yang telah diperoleh daripada kajian-kajian lepas dan ini memberi satu petunjuk terhadap kecenderungan penuntut –penuntut Muslim di Universiti Malaya. Jelas sekali hasil daripada keputusan yang diperolehi, kecenderungan penuntut-penuntut ini lebih menjurus kepada bekerja dengan organisasi. Ini menunjukkan sikap penuntut Melayu masih lagi di takuk lama di mana masih mengharapkan sokongan bagi memulakan karier mereka. Ini adalah satu fenomena yang patut diubah bagi mengatasi masalah pengangguran yang tinggi sekarang ini. Oleh yang demikian faktor-faktor yang dicadangkan oleh kajian lepas (Kolvereid dan Tkachev, 1999) yang mana dapat mempengaruhi kecenderungan penuntut-penuntut Muslim ini hendaklah diberi perhatian.

---

[19] *Ibid.*

Hasil keputusan yang didapati juga menunjukkan hubungan yang selari seperti yang dicadangkan. Ini memberi isyarat bahawa sikap penuntut Muslim terhadap kecenderungan untuk bekerja sendiri adalah sepertimana yang dicadangkan dalam kajian lepas. Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi isyarat bahawa generasi muda Islam yang menuntut di Univeristi Malaya ini rata-ratanya tidak mahu menghadapi cabaran mengharungi dunia perniagaan malahan lebih cenderung untuk memilih keselesaan yang sementara dengan bekerja di organisasi tertentu.

Hasil daripada ujian univariat dan deskriptif yang dijalankan, pengaruh pembelajaran juga mempengaruhi kecenderungan mereka. Terdapat tiga fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Perniagaan dan Perakaunan dan Akademi Pengajian Islam menunjukkan bahawa lebih ramai penuntut yang lebih cenderung untuk bekerja sendiri. Keputusan ini menunjukkan bahawa kemungkinan pengaruh silibus pembelajaran menyumbang kepada kecenderungan pelajar untuk bekerja sendiri. Faktor ini bolehlah dikaji dengan lebih mendalam supaya ianya dapat membantu penuntut Islam ini mengubah cara pemikiran mereka.

Kajian ini juga mendapati bahawa jantina mempengaruhi kecenderungan penuntut walaupun ianya tidak dapat dibuktikan melalui ujian regresi. Keputusan deskriptif dan univariat jelas menunjukkan bahawa lelaki lebih ramai yang cenderung untuk bekerja sendiri berbanding penuntut perempuan. Kajian ini juga mendapati bahawa penuntut yang mempunyai pengalaman berniaga sendiri dan juga mempunyai latar belakang keluarga yang berniaga agak cenderung untuk bekerja sendiri daripada bekerja dengan organisasi. Keputusan ini selari dengan teori model ikutan walaupun ianya tidak disokong oleh keputusan regresi.

Keputusan daripada ujian regresi yang dijalankan menunjukkan bahawa tanggapan terhadap kawalan tingkah laku dan sikap mempengaruhi kecenderungan penuntut terhadap karier mereka. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa sikap dan tanggapan terhadap kebolehan akan mempengaruhi minat mereka. Walau bagaimanapun keputusan di atas menunjukkan bahawa mereka tidak mengambil berat tentang norma subjektif atau pandangan orang terdekat dengan mereka.

Terdapat limitasi dalam kajian ini yang perlu diambil kira. Berdasarkan kepada nilai r^2 yang diperolehi daripada ujian regresi yang dijalankan, jelas menunjukkan terdapat pemboleh ubah lain yang dapat menjelaskan kecenderungan penuntut- penuntut ini terhadap perniagaan dengan lebih tepat lagi. Kajian di masa hadapan perlu menjalankan soal selidik terhadap sikap mereka dengan lebih mendalam dan menggunakan soalan yang lebih terbuka bagi mengharapkan respons yang lebih relevan.